



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

SINAR HARIAN • RABU 29 SEPTEMBER 2021

Sinar NEGERI • N. SEMBILAN



27

Perangkap itu akan diberi kepada tiga Pejabat Perhilitan Daerah bagi mengelakkan gangguan haiwan liar berkenaan

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Kerajaan Negeri Sembilan meluluskan peruntukan sebanyak RM120,000 kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan untuk menyediakan perangkap kera dan babi hutan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, perangkap itu nanti akan diberi kepada tiga Pejabat Perhilitan Daerah bagi mengelakkan gangguan haiwan liar berkenaan.

Menurutnya, kejadian seorang kanak-kanak digigit kera telah berlaku baru-baru ini dan bagi mengelakkan ia berulang, satu

peruntukan khas diberikan kepada Perhilitan untuk menyediakan perangkap di lokasi yang dikenal pasti.

"Dalam kes di Taman Dusun Nyior ini, kerajaan negeri dan wakil rakyat setempat telah menghulurkan sumbangan.

"Pihak Perhilitan juga akan menentang permohonan Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas dan jumlah bantuan itu bergantung kepada laporan perubatan mangsa," katanya selepas menziarah mangsa serangan kera di Taman Dusun Nyior di sini pada Selasa.

Sementara itu, ibu kepada kanak-kanak yang digigit kera, Nur Syamimie Mohamad, 29, berkata, dia trauma ketika menjajak kaki di rumahnya selepas pulang dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada Isnin.

Peruntuk RM120,000 sedia perangkap kera, babi hutan



Aminuddin (dua dari kanan) membaca doa selepas selesai melawat Nur Afia Muhamad Nur Issyifa di Taman Dusun Nyior, Seremban pada Selasa.

"Sebagai ibu, saya perlu kuat walaupun tidak sanggup melihat luka pada bahagian belakang badan anak.

"Ketika dirawat di HKL, anak saya juga menunjukkan tanda trauma. Dia seperti ketakutan selain mengadu sakit ketika tidur, namun kini keadaannya sudah kembali stabil," katanya.

Nur Syamimie berkata, anaknya, Nur Afia Muhamad Nur Issyifa yang berusia 21 bulan akan ke HKL pada 6 Oktober depan untuk membuka jahitan selain membuat pemeriksaan lanjut.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan seorang kanak-kanak dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban selepas digigit

kera di halaman rumahnya jam 8 pagi pada 21 September lalu.

Perhilitan yang menerima aduan kemudian bergegas ke lokasi dan menembak mati seekor kera jantan yang masih berlegar di atas pokok berhampiran rumah mangsa, sebelum bangkainya dibawa balik ke pejabat untuk tindakan lanjut.